

# Mahathir akan lancar Unit Pelaburan LKPP

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR.**  
Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melancarkan dengan rasmi penubuhan Unit Pusat Pelaburan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan di sini pada 19 September ini.

Penubuhan unit tersebut telah diumumkan oleh Dato Seri Dr. Mahathir dalam satu seminar di sini bulan lalu.

Unit Pusat itu ditubuhkan dengan tujuan memudahkan para pelabur mendapatkan maklumat-maklumat mengenai projek-projek perindustrian tanpa menemui berbagai agensi Kerajaan.

Ia telahpun mula bergerak sejak 1 September ini di pejabat FIDA di Wisma Damansara di sini.

Unit tersebut dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan dari Perbendaharaan, Jabatan Kastam dan Eksais di Raja, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Jabatan Imigresen, Bahagian Perindustrian dan Bahagian Perdagangan Dalam Negeri di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, akan mengumumkan butir-butir lengkap mengenai lawatan rombongan Malaysia ke Amerika Syarikat mulai 21 September hingga 12 Oktober di upacara yang sama.